

PENDEKATAN PENGAJARAN KURSUS-KURSUS BERORIENTASI KITAB TURATH DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI ISLAM MALAYSIA

(Approach to Teaching Courses Oriented to The Book of Turath in Malaysian
Islamic Institutions of Higher Education)

*Nurzatil Ismah Azizan¹, Nazneen Ismail¹, Siti Mursyidah Mohd Zin¹, Kamarulnizam Sani²,
Asma' Abdul Halim¹

Submitted: 03-Dec-2024
Accepted: 13-Dec-2024
Revised: 19-Dec-2024
Published: 28-Dec-2024

¹Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Universiti Islam Selangor,
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

How to cite:

Azizan, N. I., Ismail, N., Mohd Zin, S. M., Sani, K.,
& Abdul Halim, A. (2024). Pendekatan
pengajaran kursus-kursus berorientasi kitab
turath di institusi pengajian tinggi islam malaysia:
Approach to teaching courses oriented to the
book of turath in Malaysian Islamic institutions of
higher education. ATTARBAWIY: Malaysian
Online Journal of Education, 8(2), 143-152.
<https://doi.org/10.53840/attarbawiy.v8i2.263>

²Fakulti Pendidikan,
Universiti Islam Selangor,
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

*Corresponding author's email: nurzatil@uis.edu.my

This article is licensed under a CC Attribution 4.0

Abstrak

Pengajian turath merupakan sistem pengajian yang menekankan aspek spiritual dalam proses pengajaran. Pengajian ini menggunakan kitab-kitab turath atau juga dikenali dengan kitab kuning sebagai silibus pengajian. Pengajian kitab turath tidak hanya dipelajari di pondok atau masjid, malah ia telah mula diterima menjadi sistem pengajian formal di Institusi Pengajian Tinggi Islam khususnya di Malaysia. Perkembangan ini membuktikan bahawa kitab-kitab turath yang dihasilkan oleh ulama silam diterima dan diperakui kehebatannya walaupun telah ditulis dalam tempoh beribu tahun. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengetahui pendekatan pengajaran turath di institusi pengajian tinggi Islam Malaysia. Kajian ini merupakan kajian jenis kualitatif dengan reka bentuk kajian etnografi, instrumen kajian ialah pemerhatian dan dianalisis dengan pendekatan induktif. Hasil kajian mendapati terdapat empat pendekatan pengajaran turath yang tidak digunakan oleh pensyarah daripada 23 pendekatan yang dinilai. Pensyarah yang mengajar subjek-subjek turath di tiga institusi pengajian tinggi Islam Malaysia didapati menggunakan pendekatan pengajaran turath seperti mengaitkan isu semasa semasa pengajaran, membahaskan tajuk kuliah dengan terperinci dan lain-lain pendekatan. Pendekatan yang tidak digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran ialah tidak menggabungkan kaedah amali dalam silibus pengajian, tidak menggunakan kekerasan dalam pengajaran dan terdapat satu institusi yang tidak menggunakan pendekatan musyawarah dan menghuraikan tajuk kuliah dengan membawa pandangan dan perbezaan pendapat.

Kata kunci: Pengajaran, Kursus, Turath, Institusi Pengajian Tinggi, Islam, Malaysia.

Abstract

Turath study is a study system that emphasizes the spiritual aspect in the teaching process. This study uses the books of turath or also known as the yellow book as a study syllabus. The study of the book of turath is not only studied in lodges or mosques, but it has begun to be accepted as a formal study system in Islamic Higher Education Institutions, especially in Malaysia. This development proves that the scriptures produced by scholars in the past are accepted and certified for their greatness even though they were written over a period of thousands of years. The purpose of this study was to find out the teaching approach of turat in Islamic institutions of higher learning in Malaysia. This study is a qualitative study with an ethnographic research design, the research instrument is observation and

analyzed with an inductive approach. The results of the study found that there were four turath teaching approaches that were not used by lecturers out of 23 approaches that were evaluated. Lecturers who teach turath subjects at three Malaysian Islamic institutions of higher learning are found to use turath teaching approaches such as relating current issues during teaching, debating lecture topics in detail and other approaches. The approach that is not used in teaching and learning is not incorporating practical methods in the study syllabus, not using violence in teaching and there is one institution that does not use a deliberative approach and elaborates the lecture title by bringing views and differences of opinion.

Keywords: Teaching, Courses, Turath, Islam, Malaysian Islamic Institutions, Higher Education.

1.0 PENGENALAN

Pendidikan Islam berkembang dengan lima fasa iaitu fasa pertumbuhan dan perkembangan yang melibatkan zaman Rasulullah SAW sehingga ke zaman Bani Umayyah, fasa kemajuan pendidikan iaitu zaman Bani Abbasiyyah, fasa kemunduran yang bermula sejak kejatuhan Baghdad di tangan Hulagu Khan (1258M) sehingga kejatuhan kerajaan Islam di Granada (1498M) dan seterusnya mengakibatkan berlaku dikotomi ilmu pengetahuan, fasa pembaharuan iaitu menjelang abad ke-19 apabila kaum Muslimin mempunyai hubungan dengan dunia Barat dan menimbulkan kesedaran perlunya ilmu-ilmu moden dipelajari oleh umat Islam dan yang terakhir fasa kebangkitan iaitu umat Islam kembali menyusun gerak kerja integrasi ilmu aqli dan naqli secara lebih utuh serta sistematik (Haidar Putra & Nurgaya, 2013).

Pendidikan zaman Rasulullah SAW bermula seiring dengan penurunan wahyu pertama. Baginda telah mendidik umat Islam pada zaman itu dengan mengajarkan mereka wahyu, menanamkan nilai-nilai akhlak dan mempamerkan keperibadian yang mulia sebagai teladan kepada umatnya. Ketika baginda di Mekah pendidikan terfokus kepada aspek akidah, al-Quran, ibadah, akal dan akhlak, manakala di Madinah ia terarah kepada aspek kemasyarakatan dan politik kenegaraan. Pendekatan yang digunakan bersifat talaqqi iaitu baginda SAW menyampaikan ilmu secara langsung kepada para sahabat dan kemudian para sahabat saling berkongsi sesama mereka. Pusat pendidikan pada ketika itu ialah kuttab, masjid dan rumah-rumah para sahabat. (Haidar Putra & Nurgaya, 2013; Hasan, 2018). Pelbagai metode diaplikasikan dalam penyampaian ilmu atau pendekatan pengajaran iaitu ceramah, nasihat, diskusi, kisah, dialog, perumpamaan, motivasi dan ancaman, humor dan bermain serta keteladanan. Amalan ijtihad juga dianjurkan oleh baginda Rasulullah SAW kepada para sahabat yang diamanahkan sebagai guru kepada kaum Muslimin lainnya (Hasan, 2018).

Amalan dan sistem pendidikan sebegini diteruskan lagi pada zaman Khulafa' al-Rasyidin dan kemudian ditambah baik pada khilafah selanjutnya. Seiring dengan perluasan wilayah Islam, pusat pendidikan juga dipelbagaikan di samping mengekalkan yang sedia ada. Selain kuttab, masjid dan rumah para ulama terdapat beberapa buah institusi lagi yang terlibat sebagai pusat pendidikan iaitu masjid-khan (bangunan tambahan pada masjid), istana penguasa, Bayt al-Hikmah, perpustakaan, observatorium (balai pencerapan bintang), hospital, madrasah, dar al-Quran (pusat pengajian al-Quran), dar al-Hadith (pusat pengajian hadis), ribat (kem latihan tentera yang ditukar kepada pusat latihan tasawuf), zawiyah, khanqah dan kedai buku. Metode pendidikan pada ketika ini melibatkan hafazan, ceramah, imlak, membaca di depan guru, munazarah (debat), murasalah (saling berutus surat) dan rihlah 'ilmiyyah (perjalanan ilmiah) (Hasan, 2018).

Seterusnya, pada fasa kemunduran, pendidikan Islam mempunyai ciri-ciri seperti konservatisme, kurang kreativiti, keterbatasan kurikulum dan dominasi metode menghafaz berpunca daripada kemunduran politik, semangat ilmiah yang kendur dan kebangkitan dunia Barat. Namun, pada fasa pembaharuan, sistem pendidikan Islam menggunakan tiga bentuk pendekatan iaitu meniru sistem pendidikan Barat, memberikan nafas baru kepada pendidikan Islam sedia ada dan mengharmonikan sistem pendidikan Islam serta Barat. Sistem madrasah dan sekolah Islam termasuk dalam institusi yang menggunakan pendekatan mengharmonikan sistem Islam dan Barat (Hasan, 2018). Termasuk juga institusi pengajian tinggi Islam turut menggunakan pelbagai pendekatan pengajaran tanpa meninggalkan pendekatan pengajaran yang telah diwarisi dalam sistem pengajian Islam.

2.0 TINJAUAN LITERATUR

Pendekatan pengajaran amat berkait rapat dengan kemahiran pengajaran pensyarah, terdapat beberapa kajian berkenaan kemahiran pengajaran pensyarah pendidikan Islam. Terdapat kajian yang menyatakan bahawa pendekatan pengajaran secara individu penting dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. Pendekatan ini diharapkan mampu untuk membentuk perubahan yang lebih positif mengikut perbezaan pelajar dan membantu merangsang perkembangan diri pelajar (Tengku Sarina, 2008).

Menurut Ahmad Firdaus (2021) tinjauan terhadap kemahiran interpersonal pensyarah pendidikan Islam menunjukkan pensyarah mengetahui kemampuan diri, teknik berfikir dan kemahiran menyelesaikan masalah, mengembangkan motivasi diri dan mencapai kepuasan diri yang mana kemahiran ini juga digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar.

Namun masih terdapat kelompangan kemahiran pengajaran dalam kalangan pensyarah dan memerlukan bimbingan yang berterusan. Menurut Norfarahi (2021) kemahiran pensyarah pendidikan Islam dalam proses pengajaran dan pembelajaran berada pada tahap sederhana tinggi dan memerlukan pelbagai jenis kemahiran lain untuk dikuasai bagi meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Dapatan ini menunjukkan pensyarah yang terlibat dengan pengajaran pengajian Islam memerlukan kemahiran yang sesuai dengan subjek atau silibus pengajian.

Pendekatan pengajaran dan pembelajaran turath juga perlu seimbang dan sesuai dengan pelajar. Menurut Shumsudin (2017) pendekatan penting dalam pengajaran kursus Ulum Hadith di institusi pengajian tinggi awam adalah pensyarah hendaklah berperanan sebagai muallim, menghasilkan pembelajaran yang bermakna dengan pengajaran berpusatkan pelajar, menggunakan pendekatan elektik iaitu dengan menggabungkan semua atau sebahagian daripada ciri-ciri sesuatu kaedah ke dalam kaedah yang baharu, menggunakan jadual dan gambar rajah di dalam pembelajaran, menguasai kemahiran pedagogi Rasulullah SAW, dan melaksanakan pembelajaran aktif.

Teknik pengajaran turath meliputi talaqqi kitab. Menurut Qutrennada (2015) guru mengaplikasikan kaedah menadah kitab (talaqqi dan musyafahah) atau kaedah tradisional (turath) dalam pengajaran untuk mengekalkan tradisi pembelajaran hadith dalam bentuk asal. Kebolehpayaan pelajar dalam memahami penyampaian guru juga tinggi malah pengkaji mendapati sukatan pembelajaran hadith yang digunakan bersumberkan kepada kitab-kitab hadith yang muktabar. Manakala, dari sudut kemampuan pelajar dalam menghafal hadith pula terdapat pelajar yang telah berjaya menghafaz 300 hadith daripada Riyad al-Salihin. Dapatan kajian lepas tersebut menunjukkan terdapat pelbagai teknik

pengajaran dan pembelajaran subjek turath, namun tidak menunjukkan kaedah pengajaran yang berasaskan teori ulama silam secara keseluruhan. Aplikasi teori ulama Islam terdahulu amat penting dalam memandu pengajian turath agar mencapai objektif pengajaran.

Pendekatan pengajaran turath menunjukkan kepentingan kemampuan melakukan analisis terhadap teks-teks turath khususnya menafsirkan teks syariah secara mendalam, memahami al-Quran dan hadis. Proses memahami ini melalui proses hafalan dan analisis yang mendalam malah menekankan perlunya penyeimbangan antara hafalan, pengeluaran hukum, dan analisis kritis dalam pendidikan Islam tradisional (Ammar, 2011).

Kajian Syed Salim (2020) mendapati penyusunan kitab-kitab turath yang ditulis oleh ulama turath menekankan beberapa aspek penting seperti memberi fokus kepada topik yang ingin dibahaskan, contoh kitab Hidayat al-Sibyan memberi penekanan kepada ibadat seperti taharah, solat dan lain-lain. Selain itu kitab-kitab ini disusun dengan fasal-fasal supaya mudah difahami serta menggabungkan ilmu-ilmu yang berkaitan dengan penulisan seperti tauhid, fiqh, dan tasawuf dalam sebuah kitab. Tauhid merangkumi sifat Allah dan kenabian, fiqh membincangkan amalan wajib, dan tasawuf menekankan pembinaan akhlak serta tazkiyah (pembersihan jiwa)

Nurzatil (2021) menyatakan bahawa penggunaan kaedah pengajian secara talaqqi di universiti membuktikan bahawa kaedah pengajian pondok diterima dalam sistem pendidikan pada masa kini. Pengajian pondok menekankan aspek kefahaman berkenaan kitab-kitab turath dalam bidang tafsir, hadis, akhlak, akidah dan nahu. Kaedah pengajian pondok memberi penekanan kepada kaedah pengajian kitab turath iaitu talaqqi, tafaqquh, itqan, munazarah dan mujadalah. Kaedah ini wajar diikuti oleh pusat pendidikan pada masa kini dalam memberi pengajaran dan pembelajaran pengajian tafsir al-Quran atau pengajian yang menggunakan kitab turath dan dikembangkan mengikut perkembangan teknologi agar ianya menjadi lebih menarik.

Pendekatan pengajian tafsir (salah satu kursus yang menggunakan kitab turath) di institusi formal kini mempunyai sistem pendidikan yang tersusun dan terancang. Pengajian tafsir telah dimulai pada peringkat pengajian tafsir di peringkat sekolah menengah lagi, pendedahan awal ini merupakan proses yang baik dalam pendidikan kepada anak-anak. Strategi pengajaran bagi pengajian tafsir yang digunakan di dalam bilik darjah adalah strategi pemusatan guru, pemusatan pelajar dan pemusatan bahan (Azmil et al., 2018). Kajian Nasyrudin (2020) menunjukkan terdapat beberapa kaedah pengajaran pembelajaran yang diterima oleh pelajar bagi kursus tafsir iaitu penyampaian ilmu secara lisan, penyampaian kuliah dengan penerangan jelas, bercerita disebalik surah atau ayat, kaedah perbincangan atau diskusi, soal jawab, kerja berkumpulan dalam kelas, penggunaan nota ringkas dalam pengajaran dan pembelajaran, terjemahan ayat melalui surah yang dipelajari, blended learning dan menyampaikan maklumat menggunakan powerpoint. Manakala menurut Norullisza et al. (2018) pula, inovasi pengajaran tafsir juga digunakan bagi memudahkan pelajar memahami kursus tafsir maudu'i seperti lakonan, wayang kulit atau animasi, multimedia, muzik dan lirik lagu, dan choral speaking.

Pengajian tafsir di Malaysia telah melalui evolusi yang baik melalui kajian di institusi formal iaitu sekolah dan institusi pengajian tinggi serta di institusi tidak formal iaitu pondok dan masjid. Arus perkembangan kajian ini juga mula meluas dalam bidang media baharu. Namun masih terdapat kelompangan kajian pengajian tafsir yang perlu diambil perhatian oleh penyelidik iaitu isu pendekatan syarahan yang masih digunakan di masjid walaupun ia tidak mengikut arus semasa. Pengajian tafsir di media baharu yang sudah meluas di Malaysia memerlukan kajian untuk melihat

keberkesanan medium pengajaran tersebut (Nabihah, 2023). Kepelbagaian pendekatan dalam pengajaran subjek turath membuktikan pengajian ini tidak ketinggalan dalam arus pendidikan perdana malah sistem pengajian Islam terkehadapan dengan teori-teori pendekatan pengajaran Rasulullah SAW dan tokoh-tokoh pendidikan seperti Ibn Khaldun.

Menurut Rashidi (2014), terdapat beberapa pendekatan pengajaran Rasulullah SAW iaitu penyampaian berasaskan Al-Quran dan Al-Sunnah, teknik komunikasi yang jelas dan mudah, teknik galakan dan ancaman, teknik suruhan dan tegahan, teknik bercerita dan metafora, teknik isyarat dan lakaran, teknik uswah hasanah, teknik memuji, teknik menegur dengan menerangkan, teknik penyelesaian masalah, teknik menjaga maruah. Antara pendekatan pengajaran yang lain adalah melaksanakan kurikulum yang dirancang untuk mempengaruhi tingkah laku pelajar.

Sharifah (2011) dalam kajiannya menyatakan antara pendekatan Rasulullah saw dalam pengajaran meliputi lima teknik khusus iaitu talaqqi (mengikut bacaan guru secara bersemuka), musyafahah (mengikut bacaan guru dengan melihat pergerakan bibir guru dan menyebutnya), tasmi' (memperdengarkan bacaan kepada guru), muraja'ah (mengulangkaji hafalan) dan tadarus (seorang membaca dan yang lain mendengar dengan penuh tumpuan) agar dapat membetulkan kesilapan, sama ada antara murid dengan guru atau antara murid dengan murid. Antara manhaj lain Rasulullah saw adalah memberi tarbiah dan pengajaran dengan jelas, mengambil kira keupayaan akal, menghormati estim sendiri penuntut, memudahkan pengajaran, mempraktikkan teori, menyediakan iklim dan ruang belajar yang kondusif, memilih ruang dan masa khusus untuk wanita, pemilihan guru yang berkualiti dan penekanan kepada kesahihan teks.

Ibn Khaldun menekankan bahawa para pendidik hendaklah terlebih dahulu memahami keadaan psikologi pelajar sebelum mengaplikasikan kaedah pendidikan. Beliau percaya bahawa adalah penting bagi pendidik untuk menyedari tahap kebolehan (intelekt) dan kematangan pelajar. Pemahaman ini membolehkan pendidik menyesuaikan pendekatan pengajaran agar sejajar dengan peringkat perkembangan pelajar, memastikan proses pembelajaran secara beransur-ansur dan sesuai untuk pertumbuhan kognitif dan emosi kanak-kanak. Dengan menyedari bahawa kanak-kanak berkembang selangkah demi selangkah dan sedikit demi sedikit dalam semua aspek, pendidik boleh mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih berkesan dan menyokong (Baiq, 2018). Pendekatan pengajaran Rasulullah SAW perlu dijadikan panduan dalam proses mendidik pelajar khususnya bagi kursus-kursus yang menggunakan kitab turath sebagai silibus pengajian. Ini memandangkan pendekatan tersebut adalah pendekatan terbaik dan mampu memberi kesan yang maksima terhadap proses pengajaran yang telah dibuktikan dengan kehebatan para sahabat RA yang mendapat pendidikan terus daripada Baginda SAW. Selain itu, pendekatan pengajaran oleh ulama terdahulu seperti Ibn Khaldun wajar dijadikan pegangan dalam penyampaian ilmu kepada pelajar kerana teori ulama terdahulu telah terbukti memberi kesan yang mendalam dalam pengajaran dan pembelajaran. Pengkaji dalam kajian ini meneliti pendekatan pengajaran pensyarah-pensyarah yang mengajar kursus yang menggunakan kitab turath sebagai silibus pengajaran berpandukan kepada pendekatan pengajaran Rasulullah SAW dan ulama terdahulu seperti Ibn Khaldun. Ini berikutan penelitian terhadap kajian lepas tidak menemui kajian yang memberi penekanan kepada aspek tersebut.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pendekatan pengajaran kursus-kursus yang menggunakan kitab turath sebagai bahan pengajaran. Pengkaji melalui kajian ini mendapatkan data kajian melalui pemerhatian terhadap tiga program di Institusi Pengajian Tinggi Islam Malaysia dalam bidang pengajian Islam. Program tersebut digubal menggunakan Standard Program Pengajian Islam yang menyebut bahawa matlamat am penggubalan program ialah melahirkan pelajar yang mempunyai pengetahuan pada tahap tinggi dan bersifat khusus dalam bidang pengajian termasuk kemampuan untuk memahami sumber rujukan klasik (turāth) (MQA, 2014). Kenyataan ini membuktikan bahawa memahami isi kandungan kitab turath menjadi keutamaan bagi program-program pengajian Islam agar capaian ilmu dapat diperolehi daripada sumber asli.

Kajian ini merupakan kajian jenis kualitatif dengan rekabentuk kajian etnografi. Pengkaji menggunakan instrumen pemerhatian untuk mendapatkan dapatan kajian. Instrumen pemerhatian kajian yang dibina disahkan oleh tiga orang pakar untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen sebelum ia digunakan untuk mendapatkan data di lapangan kajian. Pakar satu (P1) merupakan pakar dalam bidang sanad pengajian turath (pengajian hadis), Pakar dua (P2) merupakan pakar dalam kurikulum dan pengajaran manakala pakar ketiga (P3) merupakan pakar dalam pendidikan tahfiz. Ketiga-tiga pakar mempunyai kepakaran dalam pengajian turath.

Pemerhatian yang digunakan ialah pemerhatian turut serta. Pemertian merupakan kaedah terbaik untuk mendapatkan data tentang guru atau pensyarah yang ingin dikaji (Merriam, 2002). Walaupun penyelidik mengikuti tingkah laku subjek, penyelidik tidak mempengaruhi peserta kajian ke arah tingkah laku tertentu. Dengan penghayatan tersebut, penyelidik mempunyai persepsi yang benar mengenai maklumat yang dikumpul (Mohd. Majid 2000). Kaedah ini digunakan untuk mengenal pasti sama ada pensyarah yang dikaji menggunakan kaedah pengajaran turath seperti yang disebut dalam kajian-kajian terdahulu.

Dalam kajian ini, instrumen borang senarai semak pemerhatian berkenaan pendekatan pengajaran turath digunakan untuk mendapatkan dapatan kajian. Terdapat 23 item pemerhatian yang dinilai berdasarkan pendekatan pengajaran turath yang diamalkan di dalam bilik kuliah. Data daripada borang senarai semak pemerhatian dinilai berdasarkan pelaksanaan pendekatan pengajian turath yang telah ditetapkan berdasarkan kajian-kajian lepas. Pendekatan yang ingin dinilai ialah sama ada pensyarah menggunakan pendekatan tersebut atau tidak. Ia bagi mendapatkan gambaran pendekatan pengajaran turath di institusi pengajian tinggi Islam tersebut.

4.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

4.1 Maklumat Demografi Responden

Jadual 1 menunjukkan secara ringkas latar belakang peserta kajian, iaitu pensyarah A pengalaman mengajar subjek turath selama 24 tahun, Pensyarah B selama 14 tahun dan pensyarah C selama lima tahun. Ketiga-tiga pensyarah tersebut merupakan pensyarah yang mempunyai pengkhususan dalam pengajian turath meliputi Fiqh, tafsir dan Usul Fiqh. Subjek yang diajar di institusi pengajian juga adalah sesuai dengan kepakaran pensyarah berkenaan.

Jadual 1 Latar Belakang Pensyarah Pengajian Turath

Profil	Pensyarah A	Penyarah B	Pensyarah C
Pengalaman mengajar	24 Tahun	14 tahun	5 tahun
Pengkhususan	Fiqh al-Ibadat, Usul al-Fiqh, al-Turath al-Islami, Fiqh al-Shafi'i, Fiqh al-Ikhtilaf	Tafsir, Usul Tafsir	Syariah
Nama Subjek	Fiqh Ibadat	Al-Tafsir al-Tahlili	Usul Fiqh

4.2 Pendekatan Pengajaran Kursus Berorientasikan Kitab Turath Di Institusi Pengajian Tinggi Islam Malaysia

Jadual 2 menunjukkan dapatan kajian bagi pendekatan pengajaran kursus yang menggunakan kitab turath sebagai bahan pengajaran di Institusi Pengajian Tinggi Islam Malaysia. Item penilaian dalam borang senarai semak pemerhatian ialah sebanyak 23 item seperti berikut:

Jadual 2 Pendekatan Pengajaran Subjek Turath di Institusi Pengajian Tinggi Islam Malaysia

Bil.	Item pemerhatian	Pensyarah A	Pensyarah B	Pensyarah C
1	Menjelaskan tajuk kuliah secara umum dan ringkas	√	√	√
2	Menghuraikan tajuk kuliah dengan membawa pandangan dan perbezaan pendapat	√	√	X
3	Menghuraikan kuliah dengan lebih mendalam dan menyeluruh	√	√	√
4	Menghindari daripada mencampur aduk sukatan pengajaran dengan ilmu yang tidak berkaitan	√	√	√
5	Menyentuh isu semasa ketika pengajaran	√	√	√
6	Menggalakkan pelajar berfikir secara kritis	√	√	√
7	Menggabungkan ilmu aqli dan naqli	√	√	√
8	Menilai kemampuan pelajar membaca kitab Arab/jawi	√	√	√
9	Menekankan pembentukan akhlak dalam pengajaran	√	√	√
10	Menekankan kaitan aktiviti dengan nilai ibadah	√	√	√
11	Menggunakan metode hafalan dalam pengajaran	√	√	√
12	Menggunakan metode dialog dalam pengajaran	√	√	√
13	Mengadakan kuliah secara talaqqi	√	√	√
14	Menggunakan metode keteladanan (meniru karakter ulama/orang lain)	√	√	√
15	Menggunakan metode pengulangan	√	√	√
16	Menggunakan metode secara bertahap (sesuai dengan tahap kemampuan pelajar/ peringkat pengajian)	√	√	√
17	Mengamalkan pengajaran yang berfokus (menetapkan tajuk yang jelas)	√	√	√
18	Menggabungkan kaedah amali dalam silibus pengajian (jika bersesuaian)	X	X	X
19	Menggunakan kekerasan/ketegasan dalam pengajaran	X	X	X
20	Menggunakan pendekatan musyawarah	X	√	√
21	Meminta pelajar membaca di hadapan guru	√	√	√
22	Menggunakan metode perumpamaan	√	√	√
23	Menguji kefahaman pelajar sebelum kuliah berakhir	√	√	√

Jadual 2 menunjukkan pendekatan pengajaran turath pensyarah yang mengajar subjek turath di Institusi pengajian tinggi Islam Malaysia. Dapatan kajian mendapati bahawa semua pensyarah menggunakan beberapa pendekatan pengajaran yang sama iaitu menjelaskan tajuk kuliah secara umum dan mendalam serta menghindari mencampur aduk sukatan pengajaran dengan ilmu yang tidak relevan. Pensyarah A ketika pemerhatian dilakukan telah menjelaskan tajuk solat secara umum sebelum memperincikan berkenaan solat jumaat sebagai tajuk kajian pada hari tersebut manakala Pensyarah B menjelaskan tajuk kajian secara umum dengan memberi penjelasan secara umum berkenaan pentafsiran berkenaan lebah sebelum memperincikan tajuk kajian ketika mentafsirkan keadaan lebah secara terperinci dalam pelbagai aspek. Pensyarah C menjelas berkenaan matan secara umum dan seterusnya menjelaskan matan yang dipelajari dalam kuliah tersebut. Semua pensyarah tidak mengaitkan hal yang tidak berkaitan dengan pengajaran tajuk tersebut. Pensyarah terlibat juga menggunakan pendekatan integrasi ilmu dan nilai dengan menyentuh isu semasa iaitu Pensyarah A menjelaskan isu semasa berkaitan solat jumaat seperti musafir. Manakala Pensyarah B mengaitkan keberkatan rezeki dan usaha-usaha dalam memperolehi keberkatan rezeki serta mengambil manfaat daripada kehidupan lebah dan Pensyarah C menyentuh berkenaan isu berkaitan matan yang dipelajari dalam kuliah pada hari tersebut.

Semua pensyarah menggabungkan ilmu aqli dan naqli dengan memberi fokus kepada teori daripada al-Quran dan hadis serta mengaitkan perbahasan dengan perkara yang boleh membuka minda pelajar. Penekanan terhadap pembentukan akhlak amat diberi penekanan dalam kuliah dengan teguran-teguran yang membina sahsiah pelajar seperti kepentingan solat, amanah dalam diri dan lain-lain akhlak mahmudah. malah nilai ibadah diterapkan dalam aktiviti. Pendekatan pengajaran yang selari dengan pendekatan pengajaran Rasulullah SAW seperti metode hafalan, dialog, serta pengulangan dilakukan dalam pembelajaran. Pensyarah turut menekankan pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar dengan menggalakkan pelajar berfikir kritis dan menilai kemampuan pelajar membaca kitab Arab/jawi. Selain itu, pensyarah juga menggunakan pendekatan talaqqi dan meminta pelajar membaca kitab di hadapan guru.

Terdapat perbezaan pendekatan pengajaran antara ketiga-tiga pensyarah tersebut iaitu Pensyarah A Tidak menggunakan pendekatan musyawarah kerana kuliah dalam kuantiti pelajar yang ramai iaitu 76 orang, tetapi konsisten dalam kriteria pengajaran lain. Manakala Pensyarah B dan C mempraktikkan pendekatan musyawarah, namun Pensyarah B tidak menghuraikan pandangan dan perbezaan pendapat kerana subjek yang dipelajari masa masa tersebut tidak memerlukan perbahasan perbezaan pandangan ulama.

Hasil pemerhatian mendapati terdapat pendekatan yang tidak digunakan oleh semua pensyarah iaitu tiada komponen amali dalam silibus pengajian, ia berikutan kursus tersebut tidak memerlukan kepada amali kecuali subjek Pensyarah A yang berkaitan dengan ibadat seperti solat. Namun pensyarah tidak melakukan amali kerana tajuk berkenaan solat jumaat ketika musafir. Semua subjek terlibat tidak memerlukan pendekatan amali dan tiada penggunaan pendekatan keras dalam pengajaran. Ini menunjukkan sifat pengajaran yang lebih lembut dan fleksibel terhadap pelajar. Ketiga-tiga pensyarah mempraktikkan kaedah pengajaran yang holistik, melibatkan integrasi ilmu dan nilai, pendekatan berpusatkan pelajar, serta metodologi talaqqi. Namun, terdapat ruang untuk memperbaiki beberapa aspek seperti penerapan amali dan kepelbagaian pendekatan musyawarah.

5.0 KESIMPULAN

Islam mementingkan ilmu malah ayat al-Quran menyebutkan bahawa orang-orang yang berilmu mempunyai darjat yang tinggi disisi Allah SWT. Oleh yang demikian perlu bagi setiap individu mendalami ilmu khususnya melalui pengajian kitab-kitab turath. Sejarah perkembangan ilmu dalam Islam membuktikan bahawa Islam mempunyai pelbagai pendekatan pengajaran yang baik dalam menyampaikan ilmu seperti talaqqi. Hasil kajian mendapati pensyarah yang mengajar kursus-kursus turath di Intitusi Pengajian Tinggi Islam Malaysia menggunakan pendekatan pengajaran turath yang bertepatan dengan pengajaran turath daripada kajian-kajian lepas serta pendekatan pengajaran Rasulullah SAW dan pendekatan pengajaran Ibn Khaldun. Antara pendekatan tersebut ialah menggunakan pendekatan integrasi ilmu dan nilai dengan menyentuh isu semasa, menggabungkan ilmu aqli dan naqli, mempunyai kemahiran menyampaikan kuliah dengan baik dan menekankan pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar dengan menggalakkan pelajar berfikir kritis.

6.0 PENGHARGAAN

Penghargaan diberikan kepada Geran Penyelidikan dan Inovasi UIS 2023 No. Geran: 2023/GPIU/GPM-004, Universiti Islam Selangor (UIS) yang bertajuk 'Pendekatan Pengajaran Turath di Institusi Pengajian Tinggi Islam Malaysia'.

7.0 RUJUKAN

- Agensi Kelayakan Malaysia (2014). Standard Program Pengajian Islam.
- Ahmad Firdaus Mohd Noor, Kamarul Azmi Jasmi & Khairunnisa A Shukor (2017). Elemen kemahiran pensyarah cemerlang Pendidikan Islam di Politeknik Premier: Satu kajian rintis. O-JIE: Online Journal of Islamic Education, 2(2). https://www.researchgate.net/publication/293097760_Elemen_Kemahiran_Pensyarah_Cemerlang_Pendidikan_Islam_di_Politeknik_Premier_Satu_Kajian
- Ahmad Yunus Mohd Noor, Quthrennada Rosli. (2017). Perkembangan Metodologi Pengajaran dan Pembelajaran Hadith di Negeri Kedah. Journal of Hadith Studies, Vol. 2, No. , 1-13. <https://journalofhadith.usim.edu.my/index.php/johs/article/view/18>
- Azmil Hashim, Nazirul Izzati Ani, & Mohd Marzuqi Abdul Rahim. (2018). Strategi Pengajaran Tafsir Al-Quran dalam kalangan Guru Pendidikan Islam. Journal of Islamic and Arabic Education, 10(2), 1-9. <https://journalarticle-ukm-my.translate.goog/20904/>
- Baiq Tuhfatul Unsi (2018). Konsep Metode Pembelajaran Ibn Khaldun Dalam Pengajaran Bahasa Arab. Muróbbi: Jurnal Ilmu Pendidikan Volume 2, Nomor 1, Maret 2018; p-ISSN 2579-4191; e-ISSN 2580-6963; 60-71. <https://jurnal.iaibafa.ac.id/index.php/murobbi/article/view/125>
- Haidar Putra Daulay dan Nurgaya Pasa. (2013). Pendidikan Islam dalam Lintasan Sejarah: Kajian dari Zaman Pertumbuhan Sampai Zaman Kebangkitan. Medan: Prenada Media Group.
- Hasan Asari. (2018). Sejarah Pendidikan Islam: Membangun Relevansi Masa Lalu dengan Masa Kini dan Masa Depan. Medan: Perdana Publishing.
- Merriam, Sharan B. (2002). Qualitative research in practice: Example for discussion and analysis. San Francisco: Jossey-Bass.
- Mohd. Majid Konting. (2000). Kaedah penyelidikan pendidikan. Edisi Ke-5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

- Nabilah Husna Ikhsan, Haziyah Hussin (2023). Kaedah Pengajian Tafsir Al-Quran Di Malaysia: Sorotan Literatur Dari 2018-2023. *Jurnal Pengajian Islam*. Vol. 16, Isu 2, Halaman 168-181. <https://jpi.uis.edu.my/index.php/jpi/article/view/285>
- Norfarahi Zulkifli, Mohd Isa Hamzah & Khadijah Abdul Razak. (2021). Kemahiran Pensyarah Pendidikan Islam Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Di Politeknik. *Asean Comparative Education Research Journal On Islam And Civilization (ACER-J)*. eISSN2600-769X, 4(2), 1-15. <https://spaj.ukm.my/acerj/index.php/acer-j/article/view/73>
- Norullisza Khosim, Hayati Hussin, & Abdulloh Salaeh. (2018). Lima Bentuk Inovasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Subjek Tafsir Maudu'i dalam Kalangan Pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM. *Journal of Fatwa Management and Research*, 645-659. <https://jfatwa.usim.edu.my/index.php/jfatwa/article/view/208>
- Nurzatil Ismah Azizan, Nazneen Ismail, Siti Mursyidah Mohd Zin, Nur Fatimah Zainuddin (2021). Metode Pengajian Tafsir Al-Quran Institusi Pondok Di Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam*. 2021, Vol. 14, Special Edition, Halaman 50-58. <https://jpi.uis.edu.my/index.php/jpi/article/view/75>
- Qutrennada Rosli & Ahmad Yunus Mohd Noor. Pengajaran dan Pembelajaran Hadith di Maahad Darul Hadis, Alor Setar, Kedah: Tinjauan Awal. *Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam (KASPI) 7* (2015): 131-138. https://www.researchgate.net/publication/291336964_Pengajaran_dan_Pembelajaran_Hadith_di_Maahad_Darul_Hadis_Alor_Setar_Kedah_Tinjauan_Awal
- Sharifah Norshah Bani Syed Bidin, Nor Salimah Abu Mansor, Zulkifli A. Manaf. (2011). Pelaksanaan Manhaj Rasulullah dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kelas al-Quran Bagi Golongan Dewasa. *JURNAL ISLAM dan Masyarakat Kontemporari* Keluaran Khas, 53-70, <https://journal.unisza.edu.my/jimk/index.php/jimk/article/view/11>
- Shumsudin Yabi, Syulhanif Kadri, Zulhilmi Mohd Nor, Mohd Fauzi Mohd Amin (2017) Pengajaran Kursus Ulum Hadith Di Institusi Pengajian Tinggi Awam: Tinjauan Literasi Terhadap Pendekatan Pengajaran Masa Kini. *Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah* Vol. 13, No. 14, (2017), pp. 76-84 <https://jmq.usim.edu.my/index.php/jmq/article/view/100>
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, Faridah Binti Che Husain. (2008). Pendekatan Individu Dalam Pengajaran Pendidikan Islam Sebagai Wahana Melahirkan Modal Insan Bertamadun. *Jurnal Usuluddin*, Bil 27 [2008] 141-156, <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/6360>
- Wan Nasrudin Wan Abdullah, Bunyamin Abdul Rahman, Haziyah Husin, & Hamdi Ishak. (2020). Persepsi Pelajar Terhadap Pengajian dan Pembelajaran Tafsir di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 6(1), 10-2